



# TAKLIMAT DAN PENYAMPAIAN BUKU PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN KEPADA ADUN KELANTAN

## PENGENALAN

Program Taklimat dan Penyampaian Buku Penerbitan Statistik Subnasional Dewan Undangan Negeri (DUN) Kepada 45 Ahli DUN (ADUN) Kelantan telah diadakan pada 20 Julai 2022 (Rabu) di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan. Program tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Ya'kub, Menteri Besar Kelantan. Majlis turut dihadiri oleh Datuk Abdullah Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Kelantan dan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Meneteri (Ekonomi). Taklimat Statistik Subnasional DUN telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



1 DOSM/DOSM.KELANTAN/2.2022/SERIES 71

## OBJEKTIF:

- i. Memberi penerangan kepada semua ADUN Kelantan tentang penerbitan Statistik Subnasional sehingga ke peringkat DUN;
- ii. Menjadi rujukan penting kepada semua YB ADUN mengenai maklumat Banci 2020 dari peringkat nasional sehingga ke kawasan terkecil;
- iii. Sebagai asas dalam merangka gerak kerja kawasan masing-masing.

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG PROGRAM

Selepas pembentangan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia, sesi penyampaian buku Penerbitan Statistik Subnasional DUN telah disampaikan oleh YB Menteri Besar Kelantan kepada semua ADUN Kelantan.



Seterusnya, YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia bersama-sama dengan YAB Dato' Haji Menteri Besar Kelantan melawat ke Pameran anjuran DOSM Kelantan dan turut diberi penerangan mengenai produk digital Jabatan yang berkaitan dengan Banci iaitu *Dashboard Kawasanku* dan *MyCenDash*.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, sesi taklimat dan pembentangan telah berjalan dengan lancar dan sesi berkenaan telah menerima maklum balas yang positif daripada semua ADUN yang hadir di mana statistik akan membantu ADUN membuat keputusan dengan lebih tepat berasaskan bukti dan fakta data.

### PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020: SUB NASIONAL DUN



JABATAN PERDAWA MENTERI

JABATAN PERANKAAN MALAYSIA

#### 3 DUN TERTINGGI



StatsMalaysia  
www.DOSM.gov.my



##### JUMLAH PENDUDUK



- N. 07 PANCHOR **75,940**
- N. 26 BUKIT PANAU **68,462**
- N. 08 TANJONG MAS **66,760**

##### PENDUDUK BEKERJA



- N. 07 PANCHOR **30.1 RIBU**
- N. 08 TANJONG MAS **27.3 RIBU**
- N. 26 BUKIT PANAU **26.0 RIBU**

##### TEMPAT KEDIAMAN



- N. 08 TANJONG MAS **17,447**
- N. 07 PANCHOR **16,121**
- N. 26 BUKIT PANAU **15,882**

##### KADAR PENGANGGURAN



- N. 35 KEMUNING **6.9%**
- N. 25 KOK LANAS **6.6%**
- N. 43 NENGGIRI **6.5%**

##### BILANGAN ISI RUMAH



- N. 07 PANCHOR **15,570**
- N. 08 TANJONG MAS **15,344**
- N. 18 PASIR TUMBOH **12,116**

##### PURATA PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN



- N. 18 PASIR TUMBOH **RM6,531**
- N. 04 WAKAF BHARU **RM6,309**
- N. 24 KADOK **RM6,151**

##### PURATA SAIZ ISI RUMAH



- N. 01 PENGKALAN KUBOR **5.7**
- N. 15 GUAL PERIOK **5.4**
- N. 28 KEMAHANG **5.3**
- N. 43 NENGGIRI **5.3**

##### INSIDEN KEMISKINAN



- N. 43 NENGGIRI **39.4%**
- N. 41 MANEK URAI **33.0%**
- N. 27 GUAL IPOH **21.8%**

